

22/06/1998

Kekeruhan sudah dapat dijernihkan

APAKAH Persidangan Agung Umno yang berakhir semalam, berjaya? Jika berjaya apakah ukurannya? Persoalan ini terjawab setelah kita melihat betapa padunya sokongan diberikan kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menghadapi kegawatan politik dan ekonomi semasa. Paling penting, kita melihat persidangan kali ini menyelamatkan Umno daripada sebarang kegawatan baru. Jika ada pihak luar mengharapkan Umno menghadapi bibit perpecahan akibat pelbagai isu yang berbangkit kebelakangan ini, rasanya ia hanya menjadi igauan mereka pada siang hari. Kita tidak hairan selepas ini pihak yang tidak suka kepada kestabilan politik negara ini, akan terus mengapi-apikan keadaan. Kita memang tidak mengharapkan mereka memberi gambaran yang baik mengenai negara ini selagi niat mereka untuk menguasai negara ini belum tercapai. Penjelasan Dr Mahathir mengenai ancaman luar ketika merasmi dan menggulung perbincangan, bukan saja difahami, malah dapat dihayati dengan hati terbuka. Ikrar perwakilan untuk sama-sama timbul atau tenggelam bersama Umno, menguatkan azam untuk menentang sebarang percubaan mana-mana pihak yang cuba menakluki negara ini secara fizikal atau mempengaruhi minda rakyat. Sekarang kita faham nasihat Dr Mahathir supaya perwakilan bertanggungjawab terhadap kata-kata mereka sehari sebelum persidangan Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno, membawa pengertian yang begitu besar kepada parti. Seandainya nasihat itu tidak diberikan, kemungkinan besar ia akan menimbulkan kegawatan yang boleh mencetuskan kegelisahan. Ketika itu, pihak luarlah yang sesungguhnya berjaya. Setakat ini Umno berjaya menepis ancaman musuh. Namun, disebabkan ancaman itu begitu besar, kita perlu juga akui bahawa kesannya tetap dirasai akibat persepsi dan jurang pemahaman dan pengalaman yang berbeza. Dr Mahathir dengan pengalamannya berjaya mententeramkan keadaan.

Namun, dalam Umno kita sering menganggap tidak ada pihak yang menang atau kalah dalam satu percaturan yang membabitkan soal parti. Dalam isu kronisme dan nepotisme, kita hanya menganggapnya sebagai perbezaan pendapat dan mungkin juga cara penyampaian yang tidak sesuai. Jika beberapa hari sebelum ini pendirian Pergerakan Pemuda Umno dihidu sebagai cubaan mencabar kepemimpinan Dr Mahathir, rasanya anggapan itu kian terhakis. Kita percaya, Pergerakan Pemuda Umno juga berpuas hati dengan sikap dan penjelasan Dr Mahathir berhubung isu yang mereka bangkitkan. Kita percaya Dr Mahathir akan melupakan tindakan Pemuda itu.

Kita bersyukur kerana segala kekeliruan sudah dapat diperbetulkan, yang keruh sudah dijernihkan dan yang tersimpul sudah dapat diluruskan. Kita akui wujudnya kegelisahan sebelum persidangan, berpunca daripada pelbagai tafsiran mengenai isu kronisme dan nepotisme yang menjadi fokus perdebatan. Sikap Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Ahmad Zahid Hamidi mungkin ditafsir cuba menentang arus walaupun kita percaya beliau sekadar membuat teguran dalam konteks Umno yang bersikap terbuka. Cuma, tindakan Zahid itu lebih sesuai jika dilakukan menerusi saluran parti kerana beliau adalah anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno yang sepatutnya membangkitkan perkara itu dalam platform tertinggi parti itu. Walaupun, ia satu kesilapan, teguran Zahid untuk menjadikan Umno dan kerajaan lebih telus, terjawab juga. Jika Pemuda mahu ketelusan, maka rakyat tidak diselindungi dengan maklumat dalam pemberian projek, permit dan saham kepada syarikat dan individu Bumiputera. Umno, dalam memperjelaskan ketelusannya, mengedarkan senarai nama syarikat dan individu terbabit. Walaupun maklumat ini bukanlah rahsia, setidak-tidaknya mereka tidak perlu mendapatkannya di

Pejabat Pendaftar Syarikat. Kita tidak perlu menafsirkan lebih jauh tujuan pengedaran senarai itu kerana ia dengan sendirinya boleh menjawab persoalan kronisme dan nepotisme. Jika kedua-dua terminologi itu dikaitkan dengan faedah yang diperolehi masyarakat Bumiputera, konotasi buruk kedua-dua terminologi itu, kini boleh dianggap sebagai satu tindakan yang positif dalam konteks Malaysia. Lihat sajalah begitu ramai Bumiputera yang menikmati peluang yang diberikan oleh kerajaan.

Persidangan ini juga kita anggap berjaya kerana ia menyekat berlakunya percanggahan pendapat yang berterusan di kalangan pendokong Umno dan seterusnya mematikan percubaan sesetengah pihak melaga-lagakan pemimpin. Surat layang dan buku-buku picisan yang terbit menjelang perhimpunan hanya dianggap oleh perwakilan sebagai perbuatan pihak tidak bermoral. Umno memerlukan satu reformasi tetapi ia perlulah bermula daripada reformasi minda.

(END)